

**KLINIK PERUNDANGAN SYARIAH
NBOS JABATAN PEMBANGUNAN WANITA, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI SEMBILAN & JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

15 Februari 2018 - Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Sembilan (JPWNS) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah menganjurkan Klinik Perundangan Syariah bertempat di Serambi An-Nur pada 15 Februari 2018.

Ini merupakan projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang pertama bagi kedua-dua agensi pada tahun 2018. Ia juga merupakan kesinambungan kepada kerjasama yang telah diadakan sejak 2017 dengan tujuan untuk menawarkan & menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat khususnya di Negeri Sembilan berkaitan perundangan syariah.

Pada kali ini hampir 40 orang (penjawat awam & ibu tunggal) telah hadir ke program ini. Antara pengisiannya adalah perkongsian maklumat dari Tuan Khairil Hafiz bin Nazari, Penolong Pengarah Kanan BSK Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan berkaitan Nafkah dan tuntutan.

Penyertaan & maklumbalas dari peserta amatlah memberangsangkan memandangkan ada di kalangan peserta yang hadir melontarkan pelbagai soalan & ada juga yang berkongsi pengalaman berkaitan kes di mahkamah syariah.

Semoga dengan maklumbalas yang positif ini dapatlah pihak JPW & JKSNS menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat khusus berkaitan perundangan syariah dengan lebih baik.



